

18 APR 2001
PNB-PILIHAN
SAHAM AMANAH BARU UNTUK RAKYAT BUAT PINILAIAN

KOTA BAHARU, 18 April (Bernama) -- Penerbitan saham amanah baru oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat ini, bertujuan membolehkan rakyat membuat penilaian kesesuaian saham amanah untuk mereka.

Ketua Eksekutif PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman berkata, langkah itu juga untuk membolehkan orang ramai memilih lebih banyak amanah saham yang sesuai dengan mereka.

"Kita tahu sudah banyak saham amanah dikeluarkan tetapi dengan penerbitan baru itu membolehkan orang ramai membuat pilihan kesesuaian kepada seseorang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan kepada penarik-penarik beca di sekitar bandar ini yang menyertai kempen mempromosikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2001 peringkat kebangsaan di sini, hari ini.

Kira-kira 200 buah beca mengambil bahagian dengan mempamerkan poster-poster yang tertera "Minggu Amanah Saham Malaysia" yang akan berlansung mulai 20 April hingga 24 April ini di Padang Perdana, di sini.

Menurut Hamad, MSAM 2001 dibuat untuk menarik lebih banyak pelabur menyertai mana-mana saham yang diterbitkan oleh PNB selain daripada memberi peluang kepada orang ramai dapat menyaksikan pelbagai pameran.

"MSAM itu akan menarik kunjungan pelancong ke Kelantan. Kita dapati orang ramai mulai berkunjung ke Kelantan dan semua hotel-hotel telah penuh ditempah," katanya.

Beliau berkata kira-kira 200,000 orang dijangka melawat MSAM khususnya penduduk luar bandar.

Beliau berkata Kelantan menduduki tempat kedua jumlah penyertaan paling banyak di dalam saham yang dikeluarkan oleh PNB selepas Sarawak dan bilangan itu dijangka meningkat lagi.

"Sehingga akhir tahun lepas sebanyak RM36 bilion berjaya dipungut daripada simpanan yang dibuat oleh orang ramai di seluruh negara sejak penubuhan PNB 20 tahun lepas," katanya.

Mengenai pelaburan PNB di luar negara beliau berkata pihaknya telah menghantar beberapa pegawai ke Singapura bagi mempelajari lebih banyak ilmu mengenai pelaburan.

"Kita sentiasa meninjau perkembangan itu untuk menentukan potensi dan masa depan dan kita beli (labur) sekiranya perlu," katanya. -- BERNAMA

MNR BD OS